



TBK

Takaful Operator

TBK Al-Ikhtiyar Retirement Income



Memastikan tahun keemasan awda penuh keceriaan serta bebas daripada kerisauan seperti yang awda impikan

www.takafulbrunei.com.bn

[in](#) [f](#) [@](#) takafulbrunei

TBK Al-Ikhtiyar Retirement Income

Mulakan perjalanan di mana impian persaraan awda akan menjadi kenyataan. Al-Ikhtiyar Retirement Income menawarkan ketenangan fikiran dan jaminan kewangan, yang membolehkan awda bertenang, berehat dan menikmati tahun persaraan tanpa sebarang kerisauan.





3 Langkah ke arah Persaraan yang Terjamin

Langkah 1



Pilih bila awda mahu mula menerima pendapatan persaraan awda

Dengan memilih untuk bersara dan mula menerima pendapatan persaraan bulanan pada umur **55, 60** atau **65** tahun.

Langkah 2



Pilih berapa jumlah pendapatan bulanan yang awda ingin terima

Bermula daripada minima **BND 200**, pendapatan ini akan menambahkan lagi SPK atau Pencen Umur Tua awda setelah bersara.

Langkah 3



Pilih tempoh pembayaran yang sesuai dengan gaya hidup awda masa ini

Pembayaran dapat dibuat secara sekaligus atau dengan memperpanjangkan tempoh pembayaran sehingga **25 tahun**.



Mengenai Produk Ini

Al-Ikhtiyar Retirement Income adalah Kontrak yang menawarkan pendapatan bulanan secara tetap selepas persaraan dengan Sumbangan dibuat secara bulanan ataupun sekaligus.



Skop Perlindungan Asas

- Kematian; dan
 - Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan
-



Jumlah Perlindungan Asas

- Jumlah Perlindungan Asas bermula minima **BND 10,000**
 - Sepanjang tempoh bekerja, Jumlah Perlindungan adalah 5 kali ganda daripada Jumlah Perlindungan Asas
 - Selepas persaraan, mengikut Jumlah Perlindungan Asas
-



Kelayakan



Dewasa berumur
**18 tahun hingga
50 tahun**



Warganegara atau
Penduduk Negara
Brunei Darussalam

Nota: Umur yang dinyatakan merujuk kepada Umur Hari Jadi Akan Datang.



Tempoh Takaful

Awda akan dilindungi dari umur penyertaan sehingga **15 tahun** selepas umur persaraan pilihan awda.

Nota: Umur adalah berbeza di antara 70 tahun hingga 80 tahun tertakluk kepada umur persaraan pilihan awda.



Sumbangan

Tertakluk kepada:

- **Kumpulan Umur;**
 - **Jantina;**
 - **Tempoh Pembayaran Sumbangan;**
 - **Pilihan Umur Persaraan; dan**
 - **Pendapatan Bulanan Persaraan**
-



Tempoh Pembayaran Sumbangan

10, 15, 20, 25 tahun atau secara sekaligus



Kekerapan Pembayaran Sumbangan

Peserta boleh memilih untuk membuat pembayaran secara:

- **Sekaligus;**
- **Bulanan;**
- **Suku-Tahunan;**
- **Setengah-Tahunan; atau**
- **Tahunan**



Kaedah Pembayaran Sumbangan

Peserta boleh memilih untuk membuat pembayaran melalui:

- **Kad Debit/Kredit;**
 - **Pembayaran Atas Talian;**
 - **Arahan Tetap Bank; atau**
 - **Tunai**
-



Pilihan Umur Persaraan

55, 60 atau 65 tahun



Pendapatan Bulanan Persaraan

Minima – BND 200 sebulan



Tempoh Menerima Pendapatan Bulanan Persaraan

15 tahun (tetap)



Manfaat yang Bersesuaian untuk Ketenangan Fikiran Awda



5 kali ganda daripada jumlah perlindungan asas sepanjang tempoh bekerja

Menerima 5 kali ganda daripada Jumlah Perlindungan Asas sepanjang tempoh bekerja (sebelum bersara mengikut umur persaraan pilihan awda).

Contoh: Jika Jumlah Perlindungan Asas awda adalah BND 10,000 sebelum umur persaraan pilihan awda iaitu 55 tahun, Jumlah Perlindungan awda akan digandakan sehingga BND 50,000.



Pendapatan bulanan yang tetap selepas bersara

Dengan pendapatan bulanan yang awda terima daripada kami selama 15 tahun, awda boleh menikmati lebih banyak kebebasan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang awda gemari.



Dapatkan pulangan yang hebat daripada simpanan awda

Dengan Al-Ikhtiyar Retirement Income, kami boleh menawarkan kadar keuntungan indikatif kasar yang berdaya saing ke atas pelan awda dan membolehkan awda untuk mengembangkan dana kewangan bersama kami.



Merancang masa depan

Di akhir tempoh 15 tahun selepas bersara mengikut umur persaraan pilihan awda, awda akan menerima baki simpanan apabila Kontrak matang yang mana awda boleh gunakan untuk merealisasikan impian awda atau kepada generasi awda yang akan datang.



Perlindungan tambahan yang komprehensif

Dengan Sumbangan tambahan, awda boleh memilih sehingga 8 Perlindungan Tambahan bagi memenuhi keperluan perlindungan awda.



Rancang Persaraan Awda dengan Mudah!



Nazim, berumur **30 tahun**, ingin menjamin persaraannya dengan pendapatan bulanan sebanyak **BND 200** bermula daripada umur **60 tahun**. Beliau juga memilih untuk membuat pembayaran Sumbangan selama **25 tahun** bagi mengurangkan kos pembayarannya.

Matlamat Nazim: Kewangan yang bebas selepas bersara

Pendapatan Bulanan Persaraan BND 200	Pilihan Umur Persaraan 60 tahun	Sumbangan BND 216.67	Tempoh Takaful 25 tahun	Kekerapan Pembayaran Sumbangan Bulanan
--	---	--------------------------------	-----------------------------------	--



Jumlah Manfaat Diterima: BND 36,000 + BND 105,962.34 = BND 141,962.34

Senario Tuntutan



Jika sekiranya Nazim mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan atau meninggal dunia dalam tempoh bekerja, Nazim akan menerima manfaat sebanyak BND 50,000 secara sekaligus berserta simpanan yang terkumpul dan keuntungan yang diperolehi.



Jika sekiranya Nazim mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan atau meninggal dunia dalam tempoh perlindungan selepas bersara, Nazim akan menerima manfaat sebanyak BND 10,000 secara sekaligus berserta simpanan yang terkumpul dan keuntungan yang diperolehi.

Nota: Rajah di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan kadar keuntungan indikatif kasar sebanyak 4.50%. Keuntungan yang terkumpul akan berubah mengikut prestasi pelaburan.


Prosedur Tuntutan

Semua bayaran tuntutan akan diberikan kepada awda, kecuali dalam kes jika berlaku kematian di mana tuntutan akan dibayar kepada Penerima Manfaat yang awda telah isytiharkan semasa permohonan awda.

Pemberitahuan

Sebarang tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada Takaful Brunei Keluarga (TBK) **dalam tempoh 30 hari** dari tarikh kejadian.

Pemberitahuan boleh dibuat melalui:



Awda dikehendaki untuk mengisi borang tuntutan yang telah disediakan dan dihantar berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

Penyerahan Dokumen

Sebarang tuntutan hendaklah disertakan dengan borang tuntutan dan dokumen yang lengkap.

Tuntutan boleh diserahkan mengikut garis masa berikut:

No.	Garis Masa untuk Penyerahan Dokumen	
1	Kematian	30 hari
2	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan	
3	Perlindungan Tambahan	

Dokumen Yang Diperlukan Untuk Membuat Tuntutan

No.	Jenis Tuntutan	Dokumen yang diperlukan
1	Kematian	<ul style="list-style-type: none"> • Borang Tuntutan yang Lengkap • Salinan Kad Pengenalan Pemohon • Salinan Kad Pengenalan Si Mati • Salinan Sijil Kematian • Laporan Perubatan Asal • Salinan Sijil Peribadi Peserta • Salinan Laporan Polis <i>(jika kematian akibat Kemalangan)</i> • Surat Kebenaran daripada Peserta/Pemohon <i>(ditandatangani oleh Peserta/Pemohon)</i>
2	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan	<ul style="list-style-type: none"> • Borang Tuntutan yang Lengkap • Salinan Kad Pengenalan Pemohon • Laporan Perubatan Asal • Salinan Sijil Peribadi Peserta • Salinan Laporan Polis <i>(jika Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan akibat Kemalangan)</i> • Surat Kebenaran daripada Peserta/Pemohon <i>(ditandatangani oleh Peserta/Pemohon)</i>
3	Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Borang Tuntutan yang Lengkap • Salinan Kad Pengenalan Pemohon • Salinan Sijil Peribadi Peserta • Bil/Resit Terperinci Asal • Laporan Perubatan Asal • Salinan Surat Keluar Wad • Surat Kebenaran daripada Peserta/Pemohon <i>(ditandatangani oleh Peserta/Pemohon)</i>



Soalan-Soalan Lazim

Apakah Perlindungan Tambahan yang boleh ditambah dalam pelan ini?

Dengan Sumbangan tambahan, Perlindungan Tambahan yang boleh disertakan adalah seperti berikut:

- Personal Accident Benefit
- Family Rider for Spouse and Children Benefit
- Critical Illness Benefit
- Hospitalisation Cash Benefit
- Medical Benefit
- Family Income Benefit
- Long-Term Care Benefit
- Waiver of Contribution Benefit

Adakah Sumbangan masih dilaburkan selepas persaraan?

Pelaburan akan diteruskan sehingga Kontrak matang.

Adakah umur persaraan juga mengambil kira Umur Hari Jadi Akan Datang?

Umur Hari Jadi Akan Datang hanya diambil kira semasa Peserta mula menyertai Kontrak ini.

Adakah boleh menyertai AI-Ikhtiyar Retirement Income ketika berumur 51 tahun (Umur Hari Jadi Akan Datang)?

Umur penyertaan bagi AI-Ikhtiyar Retirement Income adalah 18 ke 50 tahun (Umur Hari Jadi Akan Datang).

Adakah Peserta boleh menambah Perlindungan Tambahan sepanjang tempoh penyertaan?

Peserta boleh menambah Perlindungan Tambahan untuk pelan AI-Ikhtiyar Retirement Income Peserta.

Berapa banyak Sumbangan yang perlu dibayar oleh Peserta?

Jumlah Sumbangan minima tertakluk kepada jumlah pendapatan bulanan persaraan yang ingin diterima oleh Peserta.

Berapakah jumlah minima pendapatan bulanan persaraan yang diterima oleh Peserta?

Peserta akan menerima sekurang-kurangnya **BND 200** sebulan bergantung kepada pilihan Peserta sendiri.

Berapakah bilangan maksima Kontrak AI-Ikhtiyar Retirement Income yang dibenarkan bagi setiap Peserta?

Tiada had maksima pada bilangan Kontrak yang boleh disertai oleh seorang Peserta.

Adakah jangka menunggu berbeza jika Peserta memilih Perlindungan Tambahan?

Ya dan tertakluk kepada pilihan Perlindungan Tambahan yang disertakan dalam Kontrak tersebut.

Adakah sebarang pemeriksaan kesihatan diperlukan untuk menyertai produk ini?

Tidak diperlukan.

Apakah dokumen yang diperlukan untuk menyertai AI-Ikhtiyar Retirement Income?

Satu salinan:

- Kad Pengenalan Peserta
- Kad Pengenalan Penerima Manfaat

Dalam keadaan apa dan bilakah seorang Peserta dijangkakan untuk menerima pembayaran agihan lebihan bersih?

Peserta akan menerima agihan lebihan bersih (jika ada) apabila Kontrak matang, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dan mereka masih hidup sehingga akhir Tempoh Kontrak Takaful.

Adakah pemindahan hak milik dibenarkan untuk AI-Ikhtiyar Retirement Income?

Pemindahan hak milik bagi AI-Ikhtiyar Retirement Income adalah tidak dibenarkan.

Bolehkah Peserta membatalkan Kontrak AI-Ikhtiyar Retirement Income mereka?

Ya, Peserta boleh membatalkan Kontrak AI-Ikhtiyar Retirement Income mereka dalam tempoh empat belas (14) hari dari Tarikh Kuatkuasa Kontrak tersebut.

Brosur ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja. Tertakluk kepada semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Kontrak. Sila hubungi kaunter kami atau mana-mana Wakil TBK kami untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan dan pengecualian Kontrak.

Apakah yang dimaksudkan dengan Takaful?

Sekumpulan Peserta yang bersetuju untuk sama-sama menyumbang di dalam satu tabung bagi membantu sesama mereka yang ditimpa musibah sepertimana sistem 'Aqilah yang dipraktikkan di zaman Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."
(Al-Maidah: 2)

Takaful juga adalah salah satu saluran yang membolehkan individu berikhtiar untuk **saling bantu-membantu bagi menghadapi dan berkongsi risiko serta menyediakan perlindungan bagi mengurangkan beban kewangan sesama mereka.**

Prinsip Syariah

Keistimewaan Kontrak ini adalah ianya patuh Syariah dan berdasarkan kepada prinsip kerjasama serta saling tolong-menolong antara satu sama lain. Berikut adalah prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada Kontrak ini.



Tabarru'

Ia merujuk kepada sebahagian daripada Sumbangan yang dibayar oleh Peserta ke dalam dana Takaful untuk membantu Peserta lain yang memerlukan.



Mudharabah

Ia merujuk kepada satu Kontrak di mana Peserta melantik Takaful Brunei Keluarga (TBK) sebagai Mudharib (pengusaha dana) untuk mengurus dan membuat pelaburan Akaun Peserta (AP) dan bersetuju untuk berkongsi keuntungan daripada pelaburan tersebut di antara Takaful Brunei Keluarga (TBK) dan Peserta mengikut peratus yang telah dipersetujui.

Wakalah

Ia merujuk kepada satu Kontrak di mana Peserta melantik Takaful Brunei Keluarga (TBK) sebagai Wakeel (ejen) untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan dan mengagihkan Dana Takaful Keluarga.



Upah Lain Yang dikenakan



Duti Setem

Selain daripada jumlah Sumbangan, setiap Kontrak tertakluk kepada duti setem sebanyak **BND 0.10 bagi setiap BND 1,000** daripada Jumlah Perlindungan.



Wakil TBK

Jika awda menyertai melalui Wakil TBK kami, mereka akan menerima komisyen daripada kami berdasarkan peratus tertentu daripada jumlah Sumbangan.



Endosmen/Pembatalan

Sebarang perubahan pada Kontrak akan dikenakan bayaran endosmen/pembatalan sebanyak **BND 30**.

Nota Penting: Brosur produk ini bukan sebuah Kontrak.

Ketepatan terma dan syarat bagi Kontrak ini, termasuk pengecualian di mana manfaat di bawah Kontrak awda mungkin tidak dibayar, ada dinyatakan di dalam Kontrak. Sila baca Kontrak awda dengan teliti.

Penyertaan dalam Kontrak ini merupakan komitmen jangka panjang. Pembatalan awal Kontrak biasanya akan melibatkan kos tambahan, dan nilai penyerahan yang dibayar kepada Peserta mungkin kurang daripada jumlah Sumbangan yang telah dibayar. Awda perlu mempertimbangkan dengan teliti sebelum membatalkan Kontrak atau beralih kepada Kontrak baharu kerana ia mungkin mendatangkan kerugian. Kontrak baharu mungkin lebih mahal atau menawarkan manfaat yang lebih sedikit pada kos yang sama.

Maklumat adalah tepat setakat 24 Januari 2025.



Glosari

Akaun Khas Peserta (AKP)

Bermaksud akaun atau dana di mana Sumbangan Peserta akan dikreditkan untuk tujuan perlindungan risiko sahaja.

Akaun Peserta (AP)

Bermaksud akaun atau dana di mana sebahagian daripada Sumbangan Peserta akan dikreditkan untuk tujuan simpanan dan pelaburan.

Jumlah Perlindungan

Jumlah maksima manfaat yang dibayar oleh Takaful Brunei Keluarga (TBK).

Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan

Keilangan, sama ada disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit yang menghalang Peserta daripada melibatkan diri dalam mana-mana perniagaan, atau pekerjaan atau melakukan sebarang pekerjaan, bagi sebarang pampasan atau keuntungan, tertakluk, walau bagaimanapun, untuk menentukan sama ada Keilangan Seluruh Tubuh Badan itu menjadi kekal, keilangan tersebut mestilah berterusan selama tempoh tidak kurang enam (6) bulan. Kehilangan bagi kedua belah tangan dan kaki, atau kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki, atau kehilangan kedua mata adalah dikira sebagai Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan, tanpa prejudis kepada sebab-sebab lain daripada Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan. Kehilangan hendaklah berkaitan dengan tangan dan kaki, pemotongan iaitu pemisahan secara fizikal pada atau di atas pergelangan tangan dan buku lali; manakala berkaitan dengan mata, kehilangan keseluruhan daya penglihatan dan tidak dapat dipulihkan semula.

Kontrak

Bermaksud Borang Permohonan, Sijil Peribadi, Keterangan Produk dan sebarang endosmen.

Orang yang Dilindungi

Orang yang akan dilindungi di bawah Sijil Peribadi, tertakluk kepada kriteria kelayakan.

Penerima Manfaat (Penama)

Merujuk kepada individu yang dinamakan oleh Peserta sebagai Penerima Manfaat jika sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia sebelum tamat tempoh/matang Kontrak ini. Pengeluaran manfaat tersebut adalah daripada Akaun Khas Peserta (AKP).

Penerima Wasi atau Hibah

Bermakna orang atau orang-orang yang dinamakan oleh Peserta pada Borang Wasi atau Hibah kecuali diubah kemudiannya sebagaimana ditetapkan dalam Klausula Penukaran Wasi atau Hibah, untuk bertindak sebagai pemegang amanah (wasi) atau penerima manfaat (hibah) jika Peserta meninggal dunia. Pengeluaran manfaat itu akan dikeluarkan daripada Akaun Peserta (AP).

Perlindungan Tambahan

Manfaat atau perlindungan tambahan bagi Kontrak dengan Sumbangan tambahan yang disahkan oleh Takaful Brunei Keluarga (TBK) dan hanya berkuatkuasa apabila dimasukkan ke dalam Sijil Peribadi atau melalui endosmen, dan apabila dimasukkan atau disahkan, ianya menjadi sebahagian daripada keseluruhan Kontrak.

Peserta

Bermaksud Pemilik dan Pembayar yang menyertai di bawah Kontrak ini.

Sijil Peribadi

Sijil peribadi yang menunjukkan butir-butir peribadi Peserta, butir-butir perlindungan, endosmen dan Sumbangan.

Sumbangan

Bermaksud jumlah Sumbangan/Sumbangan Ansuran yang disahkan oleh Takaful Brunei Keluarga (TBK) bagi Sumbangan dan/atau simpanan Peserta dalam Kontrak.

Tarikh Kuatkuasa

Tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Peribadi atau endosmen.

Tempoh Menunggu

Tempoh empat belas (14) hari daripada Tarikh Berkuatkuasa Kontrak atau endosmen. Tiada manfaat diberikan disebabkan oleh Penyakit yang berlaku semasa tempoh tersebut akan dibayar.

Tempoh Takaful

Tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Peribadi, termasuk juga apa-apa pemanjangan jangka waktu perlindungan atau endosmen yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Takaful Brunei Keluarga (TBK).

Perkhidmatan Pelanggan dan Waktu Perniagaan

Pusat Panggilan TBK

 **Pusat Panggilan**
223 1100

 **WhatsApp**
737 1100

Isnin – Khamis
8:15 pagi - 4:30 petang

Jumaat
8:15 pagi – 11:00 pagi
2.30 petang – 4:30 petang

Sabtu
8:15 pagi – 11.30 pagi

Ibu Pejabat TBK

**Unit 1, Level 1,
Dar Takaful IBB Utama,
Jalan Pemancha, Bandar Seri
Begawan, BS8711,
Negara Brunei Darussalam**

Isnin – Khamis
8:15 pagi – 4:00 petang

Jumaat
8:15 pagi – 11:00 pagi
2.30 petang – 4:00 petang

Sabtu
8:15 pagi – 11.30 petang

 www.takafulbrunei.com.bn